



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-2/104/43/1/(44)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 3/2015

KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI YANG MENDERMA ORGAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan untuk memberi kemudahan Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang menderma organ.

LATAR BELAKANG

2. Pendermaan organ ialah proses mendermakan sebahagian organ daripada tubuh badan penderma untuk tujuan pemindahan kepada penerima yang memerlukan. Terdapat dua jenis pendermaan organ iaitu pendermaan organ selepas kematian dan pendermaan organ semasa hidup.

PELAKSANAAN

3. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi pegawai yang menderma organ hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

- a. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini diperuntukkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik secara tetap, sementara dan kontrak (*contract of service*);
- b. Pegawai yang berhasrat untuk menderma organ hendaklah mematuhi semua peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
- c. Kadar Cuti Tanpa Rekod yang boleh diluluskan adalah mengikut tempoh yang diperakukan oleh pegawai perubatan pakar atau tidak melebihi 42 hari, mengikut yang mana lebih rendah termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am. Cuti ini bermula dari tarikh pegawai dibenarkan pulang ke rumah bagi menjalani proses pemulihan;
- d. Bagi tempoh pegawai dimasukkan ke hospital untuk menjalani ujian, pembedahan dan tempoh sebelum dibenarkan discaj dari hospital, pegawai boleh diberi kemudahan Cuti Sakit berdasarkan sijil cuti sakit yang dikeluarkan oleh pihak hospital; dan
- e. kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini hanya terpakai untuk pembedahan yang dijalankan di dalam negara sahaja.

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh:

04 Mac 2015

s.k Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
 Semua Ketua Jabatan Negeri
 Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
 Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
 Semua Pegawai Daerah
 Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil